

Umno pengukir

Oleh Maarop Md Noh

BH

- 9 MAY 2000

PERHIMPUNAN Agung Umno ke-54 pada 11 Mei ini tidak syak lagi menjadi pemangkin bangsa Melayu memartabatkan idea baru pada alaf dan abad ini. Sebagai sebuah parti politik teras dalam pemerintahan negara serta tunjang bangsa, Umno, secara sukarela atau terpaksa, adalah nakhoda bangsa Melayu melayari abad dan alaf baru dan pengukir Melayu teras. Dengan meninggalkan abad lalu sebagai sempadan atau teladan, Umno adalah satu-satunya wadah bangsa Melayu terunggul untuk memikul amanah itu.

Keadaan ini perlu kerana bangsa Melayu tidak boleh terpinggir dan dihan-tui masalah renyah, sama ada kesan tindak balas budaya, sosioekonomi dan sosiopolitik, bangsa Melayu itu sendiri atau sebarang masalah lain.

Dalam hal ini, Umno yang ditubuhkan pada 1946 berjaya membuktikan keupayaan mengurus kehidupan bangsa Melayu. Dalam hubungan ini apabila disebut bangsa Melayu secara automatik bangsa Melayu itu adalah Islam. Ini kerana menurut Perlembagaan, bangsa Melayu itu adalah penganut Islam. Justeru, memartabatkan bangsa Melayu adalah sinonim dengan memartabatkan Islam.

Bangsa Melayu dan Islam itu saling memperkukuh antara satu sama lain. Apabila membicarakan kemajuan atau kelemahan bangsa Melayu di Malaysia, Islam itu secara serentak padat teradun.

Pada Perhimpunan Agung kali ini, masalah yang merenyahkan Umno dan bangsa Melayu, akibat perpecahan bangsa Melayu dalam pilihan raya umum Ke-10 pada November 1999, perlu dijadikan asas untuk memulakan

agenda baru pengukuhan sosiopolitik, sosiobudaya dan ekonomi. Perpecahan bangsa Melayu pada 1999 itu cukup besar dan jika tidak ditangani sesempurnanya, mungkin boleh melemahkan negara-bangsa dan Islam. Negara akan terperangkap dalam konflik politik yang besar sementara agama akan terporok ke kolong penghinaan.

Menyedari hakikat inilah lebih 2,000 perwakilan dalam Perhimpunan Agung kali ini perlu membulatkan pemikiran dan menjana tindakan bersama bagi membulatkan semula kekuatan bangsa Melayu dan Islam. Lebih penting lagi, perhimpunan kali ini adalah yang pertama untuk alaf dan abad baru. Ia juga yang pertama selepas pilihan raya umum ke-10 pada November 1999. Justeru, ia memikul tanggungjawab yang cukup penting.

Dengan menggabungkan alaf baru, abad ke-21 dan pilihan raya 1999, perhimpunan kali ini boleh disifatkan sebagai paling penting dan bersejarah. Penting kerana segala masalah bangsa Melayu dan Islam dapat dibincangkan secara mendalam. Begitu juga segala yang berkaitan pemupukan kecintaan kepada negara-bangsa boleh dilakukan segera. Perhimpunan itu bersejarah kerana ia menjadi asas pembuka ambang alaf dan abad ini.

Pada alaf dan abad baru ini, bangsa Melayu tidak boleh membiarkan diri dan maruah diperjudikan. Merekames-ti menggilap keazaman untuk menjadi bangsa yang tersohor menurut acuan tersendiri. Malah, jika terpaksa belajar daripada bangsa yang sudah maju pun tidak mengapa. Ini kerana bangsa yang berjaya adalah bangsa yang sentiasa

belajar dan terus ingin belajar. Tidak salah memanjangkan leher menjengok negara dan bangsa yang sudah maju. Antaranya Jepun, Korea Selatan, malah Amerika Syarikat. Semua negara ini dulunya lemah tetapi kini maju dan kuat sehingga melakar nama sebagai bangsa moden.

Jepun misalnya, adalah contoh paling menonjol. Pemah diratah Perang Dunia Kedua dan melutut kepada General McArthur dari Amerika Syarikat pada 26 November 1945, dalam tempoh 55 tahun muncul semula dalam bentuk baru – Jepun bangun sebagai kuasa ekonomi dunia. Malah Amerika Syarikat, Perancis, Russia, Jerman dan Britain, terpaksa *kowtow* kepada Jepun sekarang.

Bangsa Melayu yang sudah membina kekuatan menerusi Umno sejak merdeka 43 tahun lalu, boleh mencon-tohi pergerakan negara maju terbabit. Kestabilan politik dan ekonomi serta perpaduan kaum yang wujud di negara ini boleh menyumbang ke arah itu. Sekali gus bangsa Melayu tidak akan menjadi 'ayam di kepuk mati kelaparan' atau 'itik di air mati kehausan'. Lebih lagi bangsa Melayu bukan suatu bangsa yang bodoh. Sebaliknya, adalah suatu bangsa yang kreatif dan pragmatik. Jika pun berlaku kenegatifan ia bukan sifat semula jadi bangsa itu. Sebaliknya ia unsur luar yang tersemam menerusi percambahan budaya dan sosial semata-mata.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga Presiden Umno, sejak menerajui parti, pada setiap Perhimpunan Agung Umno, sentiasa mengingatkan bangsa Melayu dan

Melayu teras

ahli Umno, supaya keluar daripada tempurung kemiskinan merangkul kekayaan negara, mengubahsui budaya yang tidak sesuai dengan zaman dan menggarap ilmu pengetahuan, terutama dalam bidang teknologi tinggi dan sebagainya.

Beliau mengajak masyarakat Melayu menukar falsafah 'secupak tidak jadi segantang' kepada 'daripada secupak menjadi bergantung-gantang'. Pelbagai pendekatan dikemukakannya, begitu juga pelbagai slogan dan konsep untuk membangun bangsa Melayu dicipta. Paling popular ialah dasar 'Pandang ke Timur' dan terbaru ialah 'Malaysia Boleh'.

Dr Mahathir berjaya menarik keluar bangsa Melayu daripada petani relong kepada petani korporat dan perindustrian. Ekonomi negara yang dulunya berasaskan pertanian mengembang kepada pengeluaran barangan atau perusahan yang lebih besar. Terbaru Perdana Menteri menggabungkan ekonomi dengan ilmu pengetahuan bagi membentuk k-ekonomi.

Usaha berterusan kerajaan yang ditulangbelakangi Umno (BN) itu, walaupun ada kalanya tersendat, seperti kegawatan ekonomi pada 1997-1998, ia tidak menghalang kemajuan berterusan bangsa Melayu. Malah daripada kegawatan itu tercetus idea dan semangat baru yang lebih bemas. Misalnya formula pemulihan ekonomi Malaysia kini diterima pakai oleh negara yang dulunya memperkecilkannya. Malah, Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF) dan Bank Dunia turut mengakui kejayaan Malaysia.

Dalam gelombang teknologi maklu-

mat (IT) dan dunia tanpa sempadan pula, bangsa Melayu juga tidak ketinggalan. Sudah ramai yang bukan saja memiliki peralatan IT, malah ramai yang menguruskan laman web sendiri. Pendeknya, Umno dan bangsa Melayu sudah menepati kata-kata Hang Tuah "Takkan Melayu Hilang Di Dunia". Ini bukan slogan kosong, tetapi dibuktikan dengan kejayaan anak Melayu menjadi Presiden Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (Unga), mendaki Gunung Everest, menawan Kutub Utara malah ada yang mengelilingi dunia berseorangan diri.

Bertolak daripada kejayaan itu, bangsa Melayu pada alaf dan abad baru adalah bangsa yang benar-benar baru. Dr Mahathir sendiri mengajak bangsa Melayu menjadi Melayu Baru. Untuk itu Melayu Baru mesti menguasai semua bidang, terutama ilmu. Mereka tidak boleh kembali ke takuk lama. Mereka mesti bergerak terus dan maju terus.

Walaupun Umno tidak sunyi daripada risiko dicabar, terutama daripada parti politik yang berlainan haluan, namun Umno tetap berbakti dan akan terus berbakti. Antara cabaran paling getir dihadapi Umno ialah dalam pilihan raya ke-10 pada November 1999. Walaupun Umno (BN) berjaya menubuhkan kerajaan, kemerosotan perolehan undi Umno disifatkan pemerhati politik sebagai cukup mengerikan.

Umno kehilangan 20 kerusi di Parlimen (98 kerusi pada 1996 kepada 78 pada 1999), dan selain Kelantan Umno terlepas sebuah lagi negeri di Pantai Timur - Terengganu - kepada parti la-

wan. Selain itu, parti lawan mengukuhkan kedudukan di Perlis, Kedah, Pulau Pinang, Perak, Selangor dan Pahang.

Walaupun ada gurisan akibat pergeseran kaum pada Mei 1969, pada umumnya sejak merdeka hingga pilihan raya kesembilan, Umno belum pernah mengalami gugatan seberat 1999. Peristiwa 13 Mei 1969 itu tidak menjerat Umno. Sebaliknya bangsa Melayu bangun memantapkan diri selepas peristiwa itu. Tetapi calaran dalam pilihan raya 1999 agak mengudis dan memerlukan rawatan rapi.

Perpecahan bangsa Melayu pada 1999 itu terlalu menggerunkan kerana ia boleh menyebabkan anasir luar mengambil kesempatan. Mereka sudah mencubanya dengan melemahkan ekonomi negara pada 1997-1998 tetapi gagal.

Menyedari hakikat ini kita berharap Perhimpunan Agung Umno ke-54 akan menumpukan usaha pengukuhan kembali bangsa Melayu. Perwakilan, terutama mereka yang bertanding merebut jawatan parti harus mencari jalan mengukuhkan perpaduan parti. Masalah titik-bengik dan remeh-temeh, terutama ketika pemilihan hams diketepikan.

Amanat Presiden parti pada setiap Perhimpunan Agung supaya Umno kukuh dan maju mesti dipraktikkan. Sebarang unsur yang boleh memecahkan bangsa Melayu, termasuk politik wang, berpuak-puak, bermuka-muka dan sebarang unsur negatif mesti diketepikan. Umno mesti terus hidup seperti kata Hang Tuah, 'Takkan Melayu Hilang di Dunia' dapat diarcakan di persada dunia.